

**MESYUARAT KETIGA (BELANJAWAN 2025)  
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA  
DEWAN NEGERI JOHOR YANG KELIMA BELAS  
PADA HARI SELASA, 26 NOVEMBER 2024, JAM 9.30 PAGI**

**SUSUNAN PERKARA-PERKARA MESYUARAT**

1. **DOA.**
2. **PEMASYHURAN DARIPADA YANG BERHORMAT SPEAKER DEWAN NEGERI JOHOR.**
3. **SOALAN LISAN -**

**YB TUAN HAJI ABDUL AZIZ BIN TALIB (MAHARANI)**  
**SOALAN 1 (A29)**

Apakah langkah terkini dan persediaan kerajaan negeri Johor bagi memudahkan pelaksanaan solat Jumaat kepada pelajar-pelajar sekolah dan umat Islam di negeri Johor bermula 1 Januari 2025? Dicadangkan supaya sekolah-sekolah berasrama dibenarkan melaksanakan solat Jumaat di surau sekolah tersebut.

**YB TUAN HAJI MOHD YUSLA BIN ISMAIL (SENGGARANG)**  
**SOALAN 2 (A217)**

Adakah kerajaan negeri merancang sebarang program latihan atau kursus peningkatan kemahiran khusus bagi rakyat Johor untuk memenuhi keperluan tenaga kerja dalam JS-SEZ? Jika ada, apakah sasaran bagi jumlah rakyat Johor yang akan mendapat manfaat daripada program ini?

**YB PUAN HAJAH HASRUNIZAH BINTI HASSAN (PULAI SEBATANG)**  
**SOALAN 3 (A118)**

Adakah Kerajaan Johor sudah mengenal pasti jumlah tenaga pakar dan tenaga kerja profesional sedia ada yang ada dalam negeri Johor sebagai persediaan tenaga kerja yang akan ditawarkan untuk bekerja di JS-SEZ.

**YB DATO' IR. HASNI BIN MOHAMMAD (BENUT)**  
**SOALAN 4 (A66)**

Minta dinyatakan perancangan Johor untuk mempersiapkan dan memperkasakan bakat tempatan untuk peluang pekerjaan yang dicipta melalui Zon Ekonomi Khas terutama dalam bidang teknologi dan inovasi?

**YB TUAN HAJI AZIZUL BIN BACHOK (TIRAM)**  
**SOALAN 5 (A73)**

Apakah ada perancangan pihak kerajaan untuk memperkenalkan sukan-sukan yang bukan terdiri daripada sukan popular atau aliran perdana seperti CycleBall, Artistic Indoor Cycling, Pickle Ball ke sekolah-sekolah dalam Negeri Johor?

**YB PUAN SARASWATI A/P NALLATHAMBY (KEMELAH)**  
**SOALAN 6 (A215)**

Bagaimana Sekolah Rintis Johor dapat memastikan kualiti pendidikan yang konsisten dalam kalangan guru dan pengurusan sekolah?

**YB TUAN TAN ENG MENG (PEKAN NANAS)**  
**SOALAN 7 A28**

Apakah langkah jangka masa panjang yang diambil oleh Kerajaan Negeri Johor dalam usaha memperkukuhkan perpaduan dalam kalangan Bangsa Johor? Adakah insentif khas diperkenalkan untuk menyemarakkan lagi perpaduan antara kaum di negeri ini?

**YB TUAN EE CHIN LI (TANGKAK)**  
**SOALAN 8 (A162)**

Nyatakan tindakan dan cara yang akan diguna terhadap pengurusan sisa pepejal di luar kawasan PBT dan luar bandar supaya tidak menimbulkan masalah pencemaran terhadap alam sekitar.

**YB TUAN TAN ENG MENG (PEKAN NANAS)**  
**SOALAN 9 (A23)**

Didapati semakin hari tapak pembuangan sampah haram semakin banyak di sekitar kawasan tidak bercukai Pekan Nanas. Apakah tindakan kerajaan negeri untuk membantu menyelesaikan permasalahan ini.

**YB PUAN RASHIDAH BINTI ISMAIL(PASIR RAJA)**  
**SOALAN 10 (A85)**

Belanjawan 2025 bertemakan Membugar Ekonomi, Menjana Perubahan, Mensejahtera Rakyat. Apakah inisiatif dan perancangan Kerajaan Negeri Johor bagi mensejahterakan rakyat di luar bandar.

**YB PUAN HASLINDA BINTI SALLEH (TENANG)**  
**SOALAN 11 (A174)**

Apakah langkah yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri bagi mengatasi masalah gangguan bekalan air yang sering berlaku.

**YB DATUK HAJI RAMLEE BIN BOHANI (KEMPAS)**  
**SOALAN 12 (A112)**

Tahniah kepada kerajaan di atas inisiatif locker ubat. Soalan saya, berapakah cawangan locker ubat yang ada di seluruh Johor dan sejauh mana penerimaan masyarakat awam?

**YB PUAN SARASWATI A/P NALLATHAMBY (KEMELAH)**  
**SOALAN 13 (A216)**

Apakah langkah kerajaan negeri bagi mengambil inisiatif mengurangkan kesesakan dan meringankan bebanan kakitangan di fasiliti kesihatan awam?

**YB TUAN LIEW CHIN TONG (PERLING)**  
**SOALAN 14 (A128)**

Nyatakan apa bentuk kerjasama Kerajaan Negeri dengan Kementerian Kesihatan, jika ada, bagi mengatasi masalah ruang dan kemudahan yang tidak mencukupi di Klinik-klinik Kesihatan di Johor.

**YB TUAN ANUAR BIN ABD. MANAP (PEMANIS)**  
**SOALAN 15 (A52)**

Nyatakan jenis-jenis bantuan berbentuk sokongan moral dan mental yang diberikan kepada mangsa banjir di Pusat Pemindahan Sementara oleh kerajaan bagi membantu mereka mengatasi tekanan dan kesulitan akibat daripada bencana tersebut

**YB CIK LIOW CAI TUNG (JOHOR JAYA)**  
**SOALAN 16 (A98)**

Nyatakan bilangan pengunjung mengikut warga negara dan warga asing, Kos naiktaraf zoo Johor dan rancangan naiktaraf seterusnya.

**YB DATO' ZULKURNAIN BIN HAJI KAMISAN (SRI MEDAN)**  
**SOALAN 17 (A148)**

Apakah perancangan kerajaan Negeri Johor bagi jangka pendek dan jangka panjang dalam menangani masalah keciciran pelajar di sekolah dalam negeri Johor?

**YB DATUK MOHAMAD NAJIB BIN SAMURI (PARIT YAANI)**  
**SOALAN 18 (A198)**

Apakah perancangan sebenar pihak kerajaan dalam pembangunan sistem High Speed Weight-In-Motion (HS WIM) tersebut? Bagaimanakah ia dapat mengurangkan isu kenderaan lebih muatan selama ini?

**YB DATO' IR. HASNI BIN MOHAMMAD (BENUT)**  
**SOALAN 19 (A70)**

Minta dinyatakan apakah usaha yang akan diambil oleh kerajaan negeri untuk memperluaskan kepelbagaian kerjasama strategik dengan sektor swasta bagi memastikan keterjaminan makanan yang mampan dan menyeluruh di Johor.

**YB CIK NORLIZAH BINTI NOH (JOHOR LAMA)**  
**SOALAN 20 (A155)**

Apakah perancangan dan sasaran kerajaan dalam memastikan penyediaan Rumah Mampu Milik Johor di kawasan DUN Johor Lama menjelang tahun 2030 sama ada melalui KEJORA dan sebagainya?

**YB TUAN IR. TS. HAJI NAZRI BIN ABDUL RAHMAN (SIMPANG JERAM)**  
**SOALAN 21 (A9)**

Larangan penjualan rokok elektronik di negeri Johor telah berkuatkuasa sejak Januari 2016 lagi. Walau bagaimanapun ianya masih boleh diperolehi secara terbuka dan 'on line'. Apakah langkah kerajaan bagi memastikan rokok elektronik ini tidak boleh menembusi mana-mana pintu ke negeri ini.

**YB TUAN CHEN KAH ENG (STULANG)**  
**SOALAN 22 (A11)**

Adakah Jabatan Kebajikan mempunyai perancangan untuk menaikkan nilai bantuan kebajikan?

**YB PUAN AMIRA AISYA BINTI ABD. AZIZ (PUTERI WANGSA)**  
**SOALAN 23 (A185)**

Mohon kerajaan negeri menyatakan data terperinci bilangan pelajar keperluan khas mengikut kawasan Pejabat Pendidikan Daerah. Apa perancangan kerajaan untuk membina sekolah pelajar keperluan khas di kawasan Johor Bahru.

**YB TUAN CHEN KAH ENG (STULANG)**  
**SOALAN 24 (A15)**

Berapakah jumlah kolam renang awam bersaiz olimpik yang ada di negeri Johor?

**YB TUAN CHIONG SEN SERN (BUKIT BATU)**  
**SOALAN 25 (A210)**

Apakah langkah yang diambil untuk memastikan gaji premium bagi pekerja berkemahiran tinggi dapat berterusan tanpa menimbulkan inflasi atau ketidakseimbangan dalam pasaran buruh negeri Johor?

**YB TUAN MUSZAIDE BIN MAKMOR (SEDILI)**  
**SOALAN 26 (A62)**

Pakej pemilikan rumah pertama telah dilaksanakan dengan jayanya. Apakah pakej pemilikan rumah kediaman kepada golongan sasaran generasi dikawasan perkampungan luar bandar, jika dilihat nilai jualan yang sangat tinggi dan diluar kemampuan. Mohon perkongsian cadangan pelan pemilikan rumah bagi golongan ini.

**YB TUAN HAJI AZIZUL BIN BACHOK (TIRAM)**  
**SOALAN 27 (A35)**

Permintaan terhadap rumah PPR di Johor begitu tinggi dan menjadi keutamaan rakyat Johor pada hari ini? Apakah langkah kerajaan bagi memenuhi permintaan ini menjelang tahun 2027? Berapakah jumlah permohonan yang ditolak dari keseluruhan permohonan yang diterima dan sebab-sebab ditolak?

**YB PUAN MARINA BINTI IBRAHIM (SKUDAI)**  
**SOALAN 28 (A37)**

Berapakah jumlah peruntukan keseluruhan bantuan bulanan JKM dan jumlah penerima tahun 2024 bagi negeri Johor?

**YB PUAN HAJAH ALWIYAH BINTI TALIB (ENDAU)**  
**SOALAN 29 (A106)**

Adakah kerajaan mempunyai perancangan atau pelan tindakan pemulihan kepada bangunan kuarters guru yang terbiar di Kampung Air Tawar , Endau.

**YB PUAN NG KOR SIM (JEMENTAH)**  
**SOALAN 30 (A6)**

Apakah status RKK Segamat 2030 setakat Oktober 2024?

**YB TUAN MUSZAIDE BIN MAKMOR (SEDILI)**  
**SOALAN 31 (A60)**

Terdapat pembinaan perumahan yang masih terbengkalai yakni Perumahan Generasi Baru Felda (PGBF) di DUN Sedili sehingga kini masih tidak selesai, yang mana projek ini telah mula dibina semenjak tahun 2013. Apakah jalan penyelesaian dan sejauh mana gerak kerja yang telah dilaksanakan.

**YB TUAN TAN CHONG (BEKOK)**  
**SOALAN 32 (A193)**

Adakah pihak pelaksana projek tebatan banjir di Sungai Labis yang melaksanakan projek tersebut memaklumi hasrat YAB Menteri Besar Johor?

**YB DATUK HAJI MOHD. FUAD BIN TUKIRIN (BUKIT NANING)**  
**SOALAN 33 (A91)**

Mohon kerajaan melalui JKR meneliti cadangan untuk Menaiktaraf Persimpangan Jalan Parit Karim, Batu 18, Mukim Ayer Hitam bagi Pelebaran jalan dari 1 lorong kepada 2 lorong bagi memudahkan kenderaan berat seperti bas dan lori membelok selain mengurangkan risiko kemalangan.

**YB TUAN LIEW CHIN TONG (PERLING)**  
**SOALAN 34 (A129)**

Nyatakan perancangan Kerajaan Negeri untuk mengurangkan kesesakan di sepanjang Jalan Gelang Patah-Ulu Choh (J7) yang disebabkan oleh pembangunan pesat kawasan perindustrian dan perumahan serta peningkatan jumlah penduduk di kawasan sekitarnya.

**4. SAMBUNGAN PERBAHASAN ATAS RUNDINGAN BACAAN KALI YANG KEDUA BAGI RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN PERBEKALAN (2025) TAHUN 2024.**

-----  
-----  
----- ( BAHASAN YB BACK-BENCHERS ) -----  
-----  
-----

**Persidangan ditangguhkan sehingga hari Rabu, 27 November 2024, jam 9:30 pagi.**